

**KETERANGAN BAGI PEMOHON-PEMOHON YANG TIDAK  
DIPERTIMBANGKAN/ TIDAK DIPERAKUKAN**

Sebab-sebab tidak dipertimbangkan/ diperakukan	Ulasan/Penerangan
<b>Bidang kelulusan tidak bersesuaian</b>	<p>Tidak memenuhi bidang kelulusan yang dinyatakan di dalam Skim Perkhidmatan.</p> <p><u>Contoh-</u> Mempunyai kelulusan dalam bidang atau pengalaman atau keistimewaan diperlukan bagi jawatan ialah <b>Basic Cookery / Basic Food and Beverage Services</b>.</p> <p>Maka, bidang yang tidak disebutkan dan tidak berkaitan adalah tidak bersesuaian. Contoh: Bidang <b>Computer</b>.</p>
<b>Kelulusan melebihi tahap kelayakan yang diperlukan (Overqualified)</b>	<p>Tahap kelulusan adalah tinggi dari yang dikehendaki oleh syarat Skim Perkhidmatan.</p> <p><u>Contoh-</u> Skim Perkhidmatan menghendaki BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa(ND) atau sebanding.</p> <p>Bagi yang mempunyai kelulusan <b>Doctoral Degree / PhD, Ijazah Sarjana / Master Degree dan Ijazah Sarjana Muda / Bachelor Degree</b> tidak dapat memohon kerana melebihi tahap kelayakan minimum.</p>
<b>Tidak memenuhi syarat kelayakan minimum yang diperlukan (Underqualified)</b>	<p>Tahap kelulusan adalah rendah dari yang dikehendaki oleh Syarat Skim Perkhidmatan.</p> <p><u>Contoh-</u> Skim Perkhidmatan menghendaki BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa(ND) atau sebanding.</p> <p>Bagi yang mempunyai kelulusan <b>BDTVEC/BTEC National Certificate (NC), BGCE A Level, BGCE O Level, BJCE, PSR dan sebanding</b> tidak dapat memohon kerana tidak memenuhi syarat kelayakan minimum.</p>
<b>Maklumat tidak lengkap semasa memperakukan jawatan</b>	<p>1- Mulai 1hb Julai 2017, makluman melalui e-mel, telefon dan SMS untuk meminta pemohon melengkapkan profil <b>PSC Recruitment</b> tidak akan dihantar lagi. Profil <b>PSC Recruitment</b> yang tidak lengkap akan mengakibatkan permohonan ditolak secara automatik dalam sistem <b>PSC Recruitment</b>.</p> <p>Sila semak Skim Perkhidmatan jawatan kosong yang diiklankan dan pastikan kesemua maklumat yang dikehendaki dalam syarat Skim telah dimuatnaik ke dalam ruangan yang berkaitan sebelum membuat permohonan melalui Portal PSC Recruitment.</p> <p>2- Pemohon tidak memuat naik dokumen yang diperlukan seperti:-</p> <p>a) <b>KAD PENGENALAN &amp; LESEN MEMANDU</b> Sila pastikan Kad Pengenalan dan Lesen Memandu didalam profil PSC Recruitment adalah yang terkini dan sah (tidak mansuh).</p> <p>b) <b>SIJIL KELULUSAN</b></p> <p>c) <b>PENGIKTIRAFAN MKPK</b> Bagi Pengajian Swasta dan luar negeri kecuali pemohon bagi jawatan tanggagaji B.3 ke atas tidak diperlukan.</p> <p>d) <b>TRANSCRIPT</b></p> <p>e) <b>SIJIL KECEKAPAN/ SIJIL PENDIDIKAN/ SIJIL MENAIP DAN SEBAGAINYA.</b></p> <p>3- <b>Prestasi-</b> tidak ada Borang Pengesahan Ketua Jabatan yang di muatnaik atau terdapat kesilapan / maklumat tidak lengkap yang dihantar oleh POC di dalam Borang Pengesahan Ketua Jabatan (bagi yang berkhidmat dengan Kerajaan KDYMM).</p>
<b>Ditolak oleh Pegawai Penghubung atau Point Of Contact (POC) Kementerian/Jabatan</b>	<p>1- Prestasi pemohon tidak dapat dirujuk oleh Urusetia memandangkan tiada Borang Pengesahan Ketua Jabatan yang dihantar oleh POC. (Prestasi 3 tahun kebelakangan bagi pemohon yang sudah berkhidmat dengan Kerajaan KDYMM).</p> <p>2- Pegawai Penghubung atau Point Of Contact tidak memberi pengesahan selepas 48 jam tarikh tutup iklan.</p>
<b>Kad Pengenalan (warna Ungu/Hijau)</b>	<p>Bagi pemohon yang mempunyai Kad Pengenalan warna ungu/hijau tidak dapat memohon jawatan kosong yang diiklankan. Syarat-syarat am : <b>Pemohon mestilah terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.</b></p>

**KETERANGAN BAGI PEMOHON-PEMOHON YANG TIDAK  
DIPERTIMBANGKAN/ TIDAK DIPERAKUKAN**

Sebab-sebab tidak dipertimbangkan/ diperakukan	Ulasan/Penerangan
<b>Prestasi</b>	<b>Prestasi tahap baik (C ) atau memuaskan (D).</b> Prestasi pemohon hendaklah sekurang-kurangnya ditahap <b>Sangat Baik (B) bagi 3 tahun kebelakangan.</b>
<b>Tanggungaji</b>	<p><b>1- Tanggagaji tidak sesuai</b> Skim perkhidmatan jawatan menyatakan tanggagaji yang dikehendaki bagi syarat kelayakan pemohon (yang sudah berkhidmat dengan Kerajaan KDYMM). Contohnya D.1-2-3 EB.4-5, tetapi pemohon mempunyai Tanggagaji F.1-2 EB.3.</p> <p><b>2- Tanggagaji lebih tinggi</b> Skim perkhidmatan jawatan menyatakan tanggagaji yang dikehendaki bagi syarat kelayakan pemohon (yang sudah berkhidmat dengan Kerajaan KDYMM). Contohnya E.1 EB.2, tetapi pemohon mempunyai Tanggagaji D.1-2-3 EB.4-5.</p> <p><b>3- Sama tanggagaji</b> Pemohon memohon jawatan kosong yang diiklankan dimana tanggagaji jawatan kosong tersebut adalah sama dengan tanggagaji jawatan yang dimiliki oleh pemohon pada masa ini.</p>
<b>Jawatan tidak bersesuaian</b>	<p>Jawatan yang dimiliki oleh pemohon tidak memenuhi kehendak jawatan yang dinyatakan di dalam skim perkhidmatan jawatan.</p> <p><u>Contoh</u> - Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai <b>Penolong Pegawai Perbekalan</b> dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.</p> <p>Maka, jawatan yang lain dari yang dinyatakan di dalam syarat Skim Perkhidmatan adalah tidak bersesuaian. Contoh: <b>Tukang Masak.</b></p>
<b>Kurang Tempoh Perkhidmatan</b>	<p>Di dalam skim perkhidmatan menyatakan pemohon hendaklah berkhidmat dengan Jabatan/Kementerian dalam tanggagaji yang dimahukan selama tempoh beberapa tahun.</p> <p><u>Contoh</u>- Telah berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji D.1 atau sebanding tidak kurang 7 tahun.</p> <p>Maka, tempoh perkhidmatan hendaklah mencukupi dari tarikh mula berkhidmat <b>ke jawatan masa ini</b> bagi membolehkan untuk diperakukan disamping memenuhi syarat yang lainnya.</p>
<b>Profil PSC Recruitment pemohon tidak ada maklumat Gems</b>	<p>Profil PSC Recruitment pemohon tidak ada maklumat GEMS (seperti belum berkhidmat) iaitu tidak ada ruangan "Current Government Employee" dan dengan itu tidak memenuhi syarat Skim Perkhidmatan yang diiklankan.</p> <p>Bagi permohonan yang akan datang disarankan untuk memaklumkan ke POC Kementerian/Jabatan setiap kali membuat permohonan agar POC menghantar Borang Pengesahan Ketua Jabatan melalui e-mel kepada Pejabat ini.</p>
<b>Belum Berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia</b>	<p><b>Syarat bagi Iklan 38(a) &amp; 38(b)</b>- pemohon hendaklah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.</p> <p>Syarat am: <b>Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.</b></p> <p>Orang awam dan juga pemohon yang berkhidmat dengan sektor swasta, tidak dapat memohon Iklan 38(a) dan 38(b) kerana jenis iklan tersebut adalah dibukakan kepada kakitangan dan juga pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.</p>

**KETERANGAN BAGI PEMOHON-PEMOHON YANG TIDAK  
DIPERTIMBANGKAN/ TIDAK DIPERAKUKAN**

Sebab-sebab tidak dipertimbangkan/ diperakukan	Ulasan/Penerangan
<b>Tidak berkhidmat di Kementerian/Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.</b>	<p><b>Syarat bagi Iklan 38(b)</b>- pemohon hendaklah berkhidmat di Jabatan/Kementerian dimana kekosongan jawatan diiklankan.</p> <p><u>Contoh:</u> Jawatan- <b>Jurutera Perubatan Hayat Kanan</b> Jabatan/Kementerian- <b>Kementerian Kesihatan</b> Jenis Iklan- <b>38(b)</b></p> <p>Pemohon yang berkhidmat di <u>Kementerian Kesihatan dimana kekosongan jawatan diiklankan</u> sahaja yang dapat memohon jenis iklan tersebut disamping syarat lain yang perlu dipatuhi.</p>
<b>Lesen Memandu tidak sah (mansuh) semasa tarikh tutup iklan</b>	<p>Lesen Memandu diperlukan bagi proses memperakukan jawatan yang pemohonohonkan jika ada syarat yang memerlukan Lesen Memandu. Lesen Memandu pemohon hendaklah masih sah dan dimuatnaik di dalam profil pemohon semasa tarikh tutup iklan bagi melayakkan pemohon untuk diperakukan.</p> <p>Contoh: Mempunyai Lesen Memandu kelas 3 / 4 / 5 / 6 / 11 yang sah (keperluan lesen tertakluk kepada kehendak Kementerian / Jabatan berkenaan).</p>
<b>Lain-lain hal</b>	<p>1/ Melebihi/di bawah had umur</p> <p>Syarat had umur di dalam Skim Perkhidmatan (jika ada) Contoh: Hendaklah berumur diantara 18 hingga 35 tahun.</p> <p>2/ Lelaki/Perempuan</p> <p>3/ Lulus Peperiksaan Dalaman</p> <p>4/ Sijil Keahlian/ Kelulusan Professional hendaklah sah dan tidak mansuh (jika diperlukan).</p> <p>5/ Lain-lain keperluan menurut syarat-syarat di dalam Skim Perkhidmatan.</p>